



## PERLINDUNGAN SENI PERSEMBAHAN TRADISIONAL MAK YONG: EVOLUSI PENDOKUMENTASIAN MAKLUMAT WARISAN DI INSTITUSI WARISAN NEGARA (IWN)

MAZLINA PATI KHAN \*

ANDIKA ABDUL AZIZ \*\*

KHAIRUL AZHAR MAT DAUD \*\*\*

mazlina8001@salam.uitm.edu.my, andika@umk.edu.my, azhar.md@umk.edu.my

### Abstrak

Seni persembahan Mak Yong merupakan satu-satunya objek warisan tidak ketara negara yang mendapat pengiktirafan dunia daripada UNESCO sebagai Karya Agung Warisan Tidak Ketara pada September 2005. Warisan tidak ketara ini terdedah dengan ancaman kepupusan terhadap perubahan zaman dan ditambah dengan kekurangan sokongan, penghargaan dan kesedaran di kalangan masyarakat kini. Bagi memperkuuhkan dan memupuk penghayatan yang utuh kepada budaya warisan, pelbagai usaha diambil untuk melindungi warisan dengan memelihara dan mendokumentasikan produk warisan ketara atau tidak ketara seperti tapak warisan, monumen, artifak, tradisi lisan, nilai adat dan nilai budaya. Secara keseluruhan, tujuan utama artikel ini adalah untuk mengenalpasti perlindungan yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam memartabatkan warisan Mak Yong dan menghuraikan evolusi pendokumentasian seni persembahan Mak Yong agensi yang terlibat. Hasil daripada penyelidikan ini, kajian mendapati bahawa maklumat warisan ini masih lagi tidak lengkap dan terdapat beberapa aspek maklumat penting yang masih tidak didokumenkan untuk rujukan generasi akan datang.

**Kata Kunci:** Pengurusan Maklumat Warisan, Mak Yong, Pendokumentasian, Koleksi Warisan Tidak Ketara

\* Pensyarah Kanan/Sarjana di Fakulti Pengurusan Maklumat , Universiti Teknologi MARA

\*\* Profesor Madya di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

\*\*\* Pensyarah Kanan/PhD di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan





## Abstract

United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organization (UNESCO) has recognized Mak Yong's Theater Performing Art as a Masterpiece of Oral and Intangible Cultural Heritage (ICH) of Humanity by September 2005. This intangible legacy is exposed to the threat of extinction over the changing times and coupled with the lack of support, appreciation, and recognition in among society now. In order to strengthen and nurture intact behavior in heritage culture, various efforts are necessitated to protect the heritage by preserving and documenting tangible or intangible heritage products such as heritage sites, monuments, artifacts, oral traditions, custom values and cultural values. Overall, the main purpose of this article is to discover the protection initiated by the government in upholding Mak Yong's legacy and elaborating on the evolution of the Mak Yong presentation artworks involved. As a result of this research, investigations have determined that this legacy information is still fragmentary and there are some important aspects of valuable information that are still undocumented for future generation's references

**Keywords:** Heritage Information Management, Mak Yong's, Documentation, ICH Collection

---

\* Senior Lecturer/Master at Faculty of Information Management , Universiti Teknologi MARA  
\*\* Associate Professor at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan  
\*\*\* Senior Lecturer/PhD at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan





## 1.0 Pengenalan

Mak Yong merupakan dramatari Melayu tertua yang mengabungkan kisah-kisah cinta, drama, magis, lawak jenaka, tarian, nyanyian dan muzik didalam satu persembahan. Menurut Hardwick (2013) sejak dari kurun 18 dan 19 atau lebih awal dari itu, permainan Mak Yong atau juga dikenali sebagai Ma'yong merupakan satu-satunya hiburan yang sangat digemari dikalangan raja-raja Patani dan Kelantan. Melalui penceritaan sejarah lisan yang dinyatakan oleh Tan Sri Mubin Sheppard kepada tokoh Mak Yong iaitu Puan Khatijah Awang mengenai sejarah Mak Yong, Mak Yong mula berkembang di Kelantan semasa pemerintahan Sultan Ismail (1920-1944) yang merupakan Sultan Muhammad Ke IV, memberi sokongan yang padu kepada permainan Mak Yong di Kelantan. Pada ketika itu permainan Mak Yong dibawa masuk melalui Istana Petani ke Kelantan dan diajar pada sekumpulan Mak Yong di Kampung Tengku Temenggong. Permainan Mak Yong terus berkembang di keseluruhan Kelantan melalui proses pembelajaran yang dijalankan pada ketika itu (Sheppard,t.t.). Kumpulan-kumpulan Mak Yong di istana pada ketika itu diketuai oleh Tengku Temenggong Jaafar yang merupakan seorang budayawan dari keturunan Raja Patani. Beliau juga boleh bermain dan mengajar Mak Yong termasuk nyanyian, tarian dan alunan alat muzik, malah boleh bermain permainan lain seperti Menora, Wayang Kulit dan Main Puteri.

Terdapat 13 cerita Mak Yong yang berasal daripada sumber melayu tulen yang tidak sekali-kali disadur, disesuaikan atau berasal daripada India, Indonesia ataupun Thailand (Sheppard, 1985). Setiap cerita-cerita ini akan dilakukan secara spontan dan mengikut kreativiti setiap watak dengan berpaksikan kepada tunjang cerita Mak Yong. Antara 13 cerita-cerita Mak Yong yang terkenal adalah seperti berikut:

- i. Dewa Muda
- ii. Anak Raja Gondang
- iii. Bongsu Sakti
- iv. Raja Tangkai Hati
- v. Dewa Indera, Indera Muda
- vi. Raja Muda La'leng
- vii. Gading Bertimang
- viii. Puteri Timun Muda
- ix. Ijau-ijau Intan Permata
- x. Raja Muda Lembek
- xi. Raja Dua Serupa
- xii. Endeng Tejeli





Setiap persembahan cerita-cerita Mak Yong ini dilakonkan oleh enam (6) watak utama yang terdiri daripada (1) Pak Yong Muda yang berperanan sebagai watak utama dan (2) Pak Yong sebagai Raja yang dilakonkan oleh pelakon-pelakon wanita yang berpakaian seperti lelaki. Manakala watak (3) Mak Yong pula berperanan sebagai permaisuri iaitu ibu kepada Pak Yong Muda. Selain daripada itu, watak (4) Puteri Mak Yong juga berperanan sebagai tuan puteri atau pasangan kepada Pak Yong Muda. Pelakon lelaki kebiasanya memegang watak sebagai (5) Peran iaitu pelawak yang bertanggungjawab untuk berlawak jenaka sekaligus memeriahkan sesebuah persembahan Mak Yong. Seterusnya watak (6) Inang dimainkan oleh sekumpulan gadis-gadis muda dan diketuai oleh seorang Inang Tua yang berperanan sebagai orang suruhan kepada tuan puteri. Watak tambahan juga sering dipersembahkan dalam membentuk sebuah penceritaan yang lebih menarik dan dramatik, watak gergasi, jin atau dewa diantara watak yang dipersembahkan yang membawa peranan tambahan (Ghulam-Sarwar Yousof, 1979; Sheppard, 1969; Mohamed Ghous Nasarudin, 2000 dan Mohamad, 2012 ).

Kumpulan muzik melengkapkan sesebuah persembahan Mak Yong, antara alat muzik yang digunakan seperti (1) rebab, (2) gendang, (3) tetawak, (4) canang, (5) kesi dan (6) serunai ( Mohamed Ghous Nasarudin, 2000; Hardwick, 2014; G.-S. Yousof, 2015). Antara alunan muzik yang dimainkan dan dinyanyikan disetiap persembahan Mak Yong adalah seperti berikut:

- i. Lagu Mengadap Rebab
- ii. Lagu Kijang Emas
- iii. Lagu Barat dan Barat Anjur
- iv. Lagu Berjalan
- v. Lagu Pak Yong Muda
- vi. Lagu Mengambor
- vii. Lagu Mengukit
- viii. Lagu dan Dondang (Tonggek atau lenggang)
- ix. Lagu Sendayung (Puteri, Tonggek atau Mamat)
- x. Lagu Yur
- xi. Lagu Tok Wak
- xii. Lagu Cagak Manis
- xiii. Lagu Jembar
- xiv. Lagu Sindong
- xv. Lagu Buka Surat
- xvi. Lagu Buluh Beruas
- xvii. Lagu Pandan Wangi
- xviii. Lagu Timang-timang Welu





## 1.1 Perlindungan Seni Persembahan Mak Yong

Didalam situasi sekarang semakin sukar untuk kita menikmati persembahan Mak Yong. Bertitik tolak daripada isu pengharaman persembahan Mak Yong di khalayak ramai oleh kerajaan tempatan kerana berpunca daripada isu pendedahan aurat dikalangan pelakon-pelakon Mak Yong yang bertentangan dengan ajaran islam, percampuran jantina didalam satu persembahan dan penceritaannya yang berkisarkan fantasi dan jalan cerita khayalan yang berkisarkan kehidupan keluarga diraja (Ab. Aziz Shuaib & Raja Iskandar Raja Halid, 2011; Bernama, 1996; Shamsul Akmar, 1991; Tang, 1991a dan 1991b). Malah keadaan menjadi bertambah buruk apabila negara kita kehilangan beberapa tokoh seperti primadona Khatijah Awang semakin memalapkan lagi persembahan tradisional ini.

Banyak usaha, inisiatif dan program kesedaran dan kelestarian yang dijalankan oleh pihak kerajaan dalam melindungi dan memartabatkan warisan seni persembahan Mak Yong agar terus diperlakukan pada masa kini. Pengiktirafan tertinggi seni persembahan Mak Yong adalah sebagai salah satu karya agung WTK dan lisan kemanusiaan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sainsifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 25 September 2005 (Hardwick, 2013; Mohamad, 2012; UNESCO, 2005). Sepatutnya pengiktiran ini memberikan satu impak yang besar kepada pengiat-pengiat Mak Yong kerana mampu membantu kesinambungan dan survival warisan Mak Yong. Namun begitu, seni warisan dunia ini makin dilupai dan ditinggalkan jauh kebelakang dalam arus kemodenan sekarang. Selain berdepan dengan cabaran peminggiran Mak Yong oleh golongan muda yang semakin kurang berminat untuk menikmatinya, cabaran lain yang terpaksa ditempuh ialah daripada sudut bajet bagi meneruskan kesinambungannya (Abd. Aziz Itar, 2010). Kesan daripada cabaran tersebut, pada hari ini Mak Yong berdepan cabaran pelapis muda untuk meneruskan legasi warisan ini. Seperti yang diungkapkan oleh Saudara Rosnan Rahman, pengiat Mak Yong dari JKKN berpendapat bahawa "seni warisan ini kurang diberi perhatian dalam masyarakat sehingga tidak mustahil untuk pupus apatah lagi sekiranya pelapis muda tidak dibentuk untuk menggantikan aktivis yang sedia ada khususnya Pak Yong" (Latifah Ariffin, 2015).

Dalam melestarikan warisan Mak Yong melalui penulisan dan perbincangan intelek di seminar, perlindungan seni persembahan Mak Yong juga perlu didokumenkan sebagai sebahagian daripada kelestarian warisan melalui sokongan pendidikan dan penyelidikan. Menurut Matusky (2002), terdapat pelbagai cara dalam mendokumentasikan muzik dan seni persembahan tarian yang mana melibatkan rakaman audio dan video yang berteknologi tinggi untuk merekodkan bunyi, visual dan pergerakan dalam tarian. Dalam masa yang sama rakaman ini juga dapat mendokumentasikan pemakaian busana yang dikenakan, aksesori yang digunakan semasa persembahan dan dapat merekodkan reaksi penonton yang menyaksikan persembahan.





## 1.2 Evolusi Pendokumentasian Koleksi Seni Persembahan Mak Yong

Pada permulaanya koleksi seni persembahan Mak Yong ini didokumentasikan oleh seorang tokoh budaya yang begitu mencintai seni warisan Mak Yong iaitu Allahyarham Tan Sri Mubin Sheppard (1905-1994). Beliau membuat kajian dan penyelidikan tentang asal-usul satu-satu cabang kebudayaan negara kita walaupun kajian-kajiannya memakan masa berpuluhan tahun. Beliau berdamping dengan ahli-ahli Mak Yong di Kelantan lebih 30 tahun iaitu sejak tahun 1951. Dalam kegigihan beliau yang begitu lama menghayati Mak Yong, beliau melahirkan sembilan (9) penulisan berbagai bentuk yang diterbitkan didalam dan diluar negara sejak 1960 hingga 1982 (Sheppard, t.t.-d). Antara penulisan beliau seperti mengolah lima (5) cerita Mak Yong ke skrip bahasa Inggeris untuk diterbitkan dan dipersembahkan ke luar negara (Sheppard, t.t.-h), rumusan cerita-cerita Mak Yong untuk diterbitkan sebagai bahan bacaan kanak-kanak, mendokumenkan sinopsis cerita-cerita Mak Yong bersama dengan Khatijah Awang (Sheppard, t.t.-a), dan banyak lagi

Selain daripada penulisan ilmiah mengenai seni persembahan Mak Yong, beliau juga mendokumentasikan 11 cerita-cerita Mak Yong melalui siri terbitan komik yang berwarna-warni yang diterbitkan melalui akhbar Minguan Malaysia. Siri komik ini diterbitkan pada tahun 1985 hingga 1990 iaitu selama lima tahun dan komik tersebut dilukis oleh seorang pelukis terkenal dari Kelantan yang dikenali sebagai Abdullah Ibrahim (Sheppard, t.t.-b, t.t.-c). Berikut adalah rumusan penerbitan komik bersiri Mak Yong;

**Jadual 1:** Jadual Penerbitan Komik Bersiri Cerita Mak Yong

Bil	Cerita-cerita Mak Yong	Tarikh Penerbitan		Tempoh Penerbitan
		Tarikh Mula	Tarikh Akhir	
1	Andera Dewa	13.1.1985	03.6.1985	21 Minggu
2	Dewa Muda	09.6.1985	27.10.1985	22 Minggu
3	Anak Raja Gondang	03.11.1985	09.11.1986	63 Minggu
4	Puteri Kelepok Emas	16.11.1986	26.4.1987	24 Minggu
5	Raja Bongsu Sakti	04.5.1987	24.1.1988	39 Minggu
6	Raja Muda Laleng	31.1.1988	31.7.1988	27 Minggu
7	Gading bertimang	07.8.1988	13.11.1988	15 Minggu
8	Puteri Timun Muda	20.11.1988	20.8.1989	40 Minggu
9	Raja Muda Lembek	3.9.1989	19.11.1989	12 Minggu
10	Anak Raja Panah	26.11.1989	25.2.1990	14 Minggu
11	Raja dua Serupa	04.3.1990	19.8.1990	25 Minggu





Pada tahun 1967, Mubin Sheppard yang memegang jawatan pengarah Jabatan Muzium pada ketika itu membantu seorang pakar muzik Asia iaitu Profesor William Malm dari Universiti Michigan, Amerika Syarikat dengan membawa pakar tersebut ke Kelantan untuk membuat rakaman cerita-cerita Mak Yong (Sheppard, t.t.-e). Rakaman pita video hitam putih yang berdurasi selama 90 jam yang mengambil masa 32 malam diambil untuk merakamkan 11 cerita Mak Yong. Cerita-cerita Mak Yong yang dirakamkan adalah Andera Muda (3 malam), Raja Muda Laleng (3 malam), Raja Dua Serupa (2 malam), Dewa Muda (4 malam), Anak Raja Gondang (5 malam), Bongsu Sakti (3 malam), Ijau-ijau Intan Permata (2 malam), Puteri Timun Muda (4 malam), Raja Tangkai Hati (3 malam), Gading Bertimang (2 malam) dan Raja Muda Lembek (1 malam) (Sheppard, 1967).

Penulisan mengenai projek rakaman ini didokumentasikan dengan jelas oleh Mubin Sheppard melalui makalah yang bertajuk "A Recording of the Ma'yong: the Dance Drama of Kelantan" di "Federation Museum Journal XII", serta penulisan beberapa artikel di akhbar dan majalah dan juga gambar-gambar yang diambil semasa rakaman dijalankan masih disimpan di Arkib Negara Malaysia. Malah koleksi rakaman ini juga dibuat salinan untuk disimpan di muzium negara pada ketika itu, namun menurut utusan surat Mubin Sheppard kepada pengarah *Center for South and Southeast Asian Studies, University of Michigan* pada 30 Julai 1991, 12 Januari 1993 dan 10 Januari 1994 yang meminta salinan semula rakaman tersebut kerana rakaman koleksi tersebut turut terlibat didalam kecelakaan kebakaran di muzium negara yang memusnahkan hampir keseluruhan koleksi muzium pada ketika itu (Sheppard, t.t.-a), namun tiada respon yang diterima. Boleh dikatakan usaha untuk mendapatkan kembali rakaman ini sangat dititikberatkan oleh beliau sehingga di saat-saat akhir perjalanan hidupnya. Setelah pemergian beliau, usaha untuk mendapatkan kembali rakaman ini seolah-olah tidak diambil peduli lagi.

Tidak cukup dengan itu, terdapat juga usaha-usaha pendokumentasian lain yang cuba dilakukan oleh Mubin Sheppard seperti rakaman pementasan Mak Yong pada 10 April 1974 yang mana persempahan ini untuk dipertontonkan kepada wakil dari *Institute for Comparative Music Studies*, Berlin Barat iaitu Rudolf Heinemann bertempat di Dewan Sekolah Zainab, Kota Bharu. Hasil daripada persempahan ini membawa kepada penjelajahan persempahan Mak Yong di Eropah dan dirakamkan sebagai siri koleksi piring hitam UNESCO (Sheppard, t.t.-g). Antara usaha pendokumentasian rakaman cerita Mak Yong yang dilakukan seperti rakaman cerita Dewa Muda pada tahun 1974 bersama dengan Filem Negara Malaysia di balai hadapan Istana Tengku Sri Akar, Kota Bharu. Rakaman ini berlangsung dari 11 Mei 1974 hingga 15 Mei 1974 iaitu selama lima hari.





Selain daripada Mubin Sheppard, Ghulam Sarwar Yousuf juga diantara aktivis Mak Yong yang melakukan pendokumentasian Mak Yong melalui kajian sarjana beliau. Menjalankan penyelidikan yang bertajuk “*The Kelantan Mak Yong dance theatre : a study of performance structure*” pada tahun 1976 secara tidak langsung mendokumentasikan beberapa koleksi yang berkaitan dengan seni persembahan Mak Yong. Antara koleksi yang didokumentasikan adalah seperti berikut (G. S. Yousof, 1979)

- i. 250 jam temubual bersama pelakon utama dan pelakon, temubual meliputi aspek nilai spiritual, jampi, penceritaan, teknik persembahan dan tarian, kaedah latihan, pergerakan tangan dan sebagainya,
- ii. Rakaman audio dan visual persembahan Mak Yong daripada Abdullah Awang, Pak Hassan Jambi, Mek Zainab Raja, Mak Mah Hussein, Keronchong dan pelakon-pelakon vateren yang lain,
- iii. Lebih 2000 keping gambar dan slaid, meliputi persembahan Mak Yong, kostum, solekan dan sebagainya,
- iv. Penulisan skrip tiga cerita Mak Yong iaitu Dewa Muda dan Anak Raja Gondang,
- v. Rakaman lirik dan lagu melalui kerjasama bersama Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) di Kota Bharu.

Namun melalui temubual penyelidik bersama Ghulam Sarwar Yousof mendapati bahawa kesemua koleksi rakaman ini disimpan secara persendirian dan tidak didepositkan pada mana-mana institusi bagi tujuan pengekalan, pemeliharaan atau pendidikan kepada masyarakat (Ghulam-Sarwar Yousof, Temubual Personal, 26 Januari 2017). Hal ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pendokumentasian koleksi warisan negara apabila aktivis tidak menyumbangkan koleksi-koleksi yang berharga ini kepada agensi yang terlibat sebagai sumber yang boleh membantu kesinambungan hayat sesebuah warisan agar dapat diakses oleh generasi muda pada hari ini.

## 2.0 Pendokumentasian Koleksi Mak Yong (IWN)

Kajian ini mentakrifkan Institusi Warisan Negara sebagai gabungan agensi yang bertanggungjawab untuk menguruskan, melindungi, memelihara, memulihara dan menyemarakkan usaha pendokumentasian koleksi warisan tidak ketara (WTK) di agensi masing-masing. IWK terdiri daripada tiga (3) jabatan/agensi iaitu Jabatan Muzium Negara (JMM), Arkib Negara Malaysia (ANM), dan Perpustakaan Negara Malaysia. Secara fizikal, kita sering kali melihat hubungan diantara arkib,





perpustakaan dan muzium merupakan tiga organisasi yang berbeza fungsinya, namun ketiganya memungkinkan untuk bekerjasama dan berkolaborasi. Menurut (Doucet, 2007; Martin, 2007; Perera & Chandra, 2014; Pijeaux, 2007; Tanackovic & Badurina, 2009) focusing on the rationale for its creation and the lessons it provides with respect to mergers of libraries, archives, and museums. LAC is a federal government institution established in 2004 by combining two predecessor institutions, the National Library and the National Archives. Looks at the geographical challenges that LAC faces in providing equitable access to Canada's documentary heritage as well as its public programming mandate that holds significant potential for serving museum functions and even creating museum-like buildings. (Quotes from original text, berpendapat bahawa muzium, perpustakaan dan arkib boleh bekerjasama dalam mendokumentasikan warisan tidak ketara untuk pengaksesan sekarang dan masa hadapan serta membantu negara untuk menjana pendapatan untuk penstabilan ekonomi terutama kepada negara yang sedang membangun.

## 2.1 Arkib Negara Malaysia (ANM)

Arkib sebagai gedung maklumat warisan negara yang juga menghadapi cabaran yang getir dalam pendokumentasian koleksi warisan tidak ketara memandangkan koleksi sejarah lisan dan koleksi peribadi yang terdapat di arkib negara merupakan koleksi warisan tidak ketara yang terbesar di Malaysia. Hasil daripada kajian ini mendapat bahawa arkib merupakan agensi yang paling banyak mempunyai koleksi yang berkaitan dengan Mak Yong iaitu lebih daripada 200 koleksi. Koleksi-koleksi ini terdiri daripada koleksi persendirian daripada Tan Sri Mubin Sheppard bermula dari tahun 2000-2007 yang meliputi keratan akhbar, artikel, penulisan, surat-menjurat dan dokumen-dokumen berkaitan dengan penganjuran persesembahan Mak Yong, gambar-gambar persesembahan Mak Yong dan slide. Koleksi terawal Mak Yong di arkib adalah pada tahun 1957 yang merupakan rekod dan arkib rasmi daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu mengenai surat menyurat penganjuran persesembahan Mak Yong di negeri tersebut. Selain daripada koleksi kertas, arkib juga menyimpan koleksi Mak Yong dalam bentuk pandang dengar iaitu rakaman video dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). Koleksi ini merupakan lima (5) rakaman persesembahan teater Mak Yong yang empat (4) daripadanya dipertontonkan oleh beberapa kumpulan Mak Yong semasa Seminar Mak Yong Ekstravaganza pada tahun 2008, antara cerita Mak Yong yang dipersembahkan adalah seperti Dewa Indera - Indera Dewa, Anak Raja Gondang, Nik Kecik Dewa Muda, Raja Tangkai Hati dan Endeng Tejeli.

Apa yang dilihat kekurangan yang paling ketara pada koleksi di arkib adalah pendokumentasian kepada tujuh (7) lagi cerita-cerita pokok Mak Yong. Pada pendapat penyelidik cerita-cerita ini perlu didokumentasikan kerana sangat penting bagi kerajaan untuk mengekalkan pengiktirafan Mak Yong sebagai karya agung warisan tidak ketara dunia. Antara cerita pokok Mak Yong yang masih tidak didokumenkan secara rakaman visual ataupun audio adalah Bongsu Sakti,





Raja Muda La'leng, Gading Bertimang, Puteri Timun Muda, Ijau-ijau Intan Permata, Raja Muda Lembek dan Raja Dua Serupa. Usaha pendokumentasian kepada cerita-cerita ini perlu dijalankan untuk memastikan warisan ini terpelihara dengan baik dan boleh diperturunkan kepada generasi akan datang.

## 2.2 Jabatan Muzium Malaysia (JMM)

Muzium negara ini masih lagi mengalami kesulitan dan melaksanakan proses pendokumentasian koleksi mereka. Diantara cabaran yang dihadapi seperti faktor sumber kewangan yang terhad, kekurangan sumber manusia dan keperluan latihan profesional. Melalui penulisan Zuraidah Hassan dan Ab. Samad Kechot (2012) juga menyarankan untuk menwujudkan dasar bertulis mengenai koleksi yang sah dan kelulusan oleh kuasa tertinggi terhadap muzium perlu diperbaharui dari masa ke semasa. Penemuan ini jelas menunjukkan bahawa polisi yang sedia ada perlu ditambahbaik dalam memenuhi keperluan pendokumentasian untuk pelbagai institusi diperlukan.

Hasil daripada kajian mendapati bahawa koleksi Mak Yong yang disimpan dimuzium adalah yang antara koleksi yang paling sedikit berbanding dengan arkib dan perpustakaan. Ini kerana jenis koleksi yang terhad dan kerumitan dalam membangunkan koleksi yang baru. Antara koleksi Mak Yong yang banyak disimpan di muzium adalah perhiasan kepala Mak Yong yang diterima seawal 1963. Kebanyakkan hiasan kepala ini terdiri daripada rekaan yang agak moden yang mana diperbuat daripada kain baldu dan dihiasi dengan manik dan labuci. Selain daripada itu, sepasang persalinan lengkap pakaian Mak Yong dan aksesori yang terdiri daripada mahkota, perhiasan kepala, baju, seluar, pending, kain samping, la (hiasan bahu) yang berusia lebih dari 50 tahun dan berasal daripada Kelantan.

Koleksi artifak merupakan koleksi yang paling memberi kesan kepada pengguna kerana sumber ini menyampaikan maklumat secara visual dan intelektual yang lebih efektif berbanding teks dan gambar foto. Namun dengan adanya satu set persalinan pakaian Mak Yong tidak mencukupi untuk menggambarkan satu kumpulan persembahan Mak Yong yang juga melibatkan watak-watak lain dan dalam persalinan yang berbeza-beza seperti tuan puteri, inang, pengasuh, peran dan ahli muzik. Selain daripada itu, kelemahan dari segi deskripsi setiap koleksi ini juga menimbulkan permasalahan dalam mengenalpasti maklumat mengenai sesebuah koleksi Mak Yong. Hal ini penting untuk memastikan penyampaian maklumat yang tepat dan menyeluruh, jika koleksi ini tidak didokumenkan di muzium, negara tidak mungkin akan mempertahankan warisan dunia ini pada masa depan.





### 2.3 Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

Koleksi manuskrip lama dan buku-buku cetakan awal yang mempunyai kepentingan sejarah biasanya disimpan di perpustakaan yang mana pemeliharaan dan pemuliharaan kepada koleksi-koleksi ini merupakan satu tugas yang sukar dengan mengambil kira faktor usia, nilai isi kandungan dan kerosakan yang terjadi secara semulajadinya merupakan cabaran yang paling getir kepada perpustakaan negara dalam mendokumentasikan koleksi WTK ini. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa perpustakaan negara merupakan agensi kedua terbesar memelihara koleksi Mak Yong di negara ini. Hampir 100 buah koleksi Mak Yong tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia yang sebahagian besar terdiri daripada monograf. Antara pengarang yang paling banyak menulis mengenai Mak Yong seperti Mohamed Ghous Nasaruddin, Ghulam- Sarwar Yousof, Amril Shah, Rahimdin Zahari dan lain-lain. Selain manograf terdapat juga bahan dalam bentuk jurnal, prosiding, rakaman audio dan juga video.

Namun, apa yang dapat di simpulkan terhadap bilangan koleksi Mak Yong yang didepositkan ke perpustakaan boleh dikatakan sangat sedikit jika dikaitkan dengan fungsi perpustakaan negara yang merupakan agensi utama yang menyimpan dan memberi akses maklumat negara kepada orang awam. Jika ingin dibandingkan dengan perpustakaan-perpustakaan di negara luar negara yang mempunyai maklumat yang lebih banyak koleksi berkaitan dengan warisan budaya mereka. Pada pandangan penyelidik, perpustakaan harus mempakejkan maklumat berkaitan dengan seni persembahan Mak Yong memandangkan warisan ini mendapat pengiktirafan dunia. Ketersediaan maklumat ini mampu membantu perpustakaan menyediakan perkhidmatan rujukan maklumat yang lebih efektif dan teratur untuk membantu dan menyokong penyelidikan warisan di negara ini.

## 3.0 Perbincangan

Dalam memastikan seni persembahan Mak Yong dapat dimartabatkan dan dihargai pada masa hadapan, hasil daripada kajian ini mendapati beberapa inisiatif yang perlu dilakukan dalam memastikan evolusi pendokumentasian maklumat warisan dapat dipertingkatkan dan sekaligus dalam memelihara dan melindungi sumber maklumat warisan agung negara ke peringkat yang lebih tinggi.

### 3.1 Pengurusan sistem maklumat warisan secara elektronik

Kajian ini mencadangkan agar satu sistem pengurusan maklumat elektronik (pengkalan data) yang khas dapat diwujudkan secara khusus kepada koleksi-koleksi warisan terutamanya Mak Yong memandangkan warisan ini telahpun mendapat pengiktirafan diperingkat dunia. Malah





beberapa pengkaji terdahulu juga pernah menyuarakan cadangan ini seperti (Mansor, Y. Jaafar, S, B Manaf, 2013; Nalini Dharmarajan, AbdulAziz, & Anitawati Mohd Lokman, 2006; Radiah Amin, Noor Faizah Yatim, Aziz Deraman, & Oras F. Baker, 2011; Rusnah Johare & Masrek, 2012; Shariff, Mokhtar, & Zakaria, 2008; Zuraidah Abd Manaf, Aliza Ismail, Noor Masliana Razlan, Azizah Abd Manaf, & Rusni Daruis, 2013) namun cadangan daripada kajian ini masih belum dapat dilihat pelaksanaanya dalam bidang pengurusan maklumat warisan pada ketika ini.

Pengkalan data ini penting kerana secara langsung dapat meningkatkan dan memudahkan akses kepada maklumat warisan secara digital serta tidak langsung menunjukkan kepada badan dunia UNESCO sebagai salah satu inisiatif negara kita dalam mempakejkan maklumat (information packaging) terhadap semua maklumat mengenai Mak Yong yang mana dapat meningkatkan lagi pendokumentasian maklumat warisan di negara ini. Selain daripada itu juga, pengkalan data ini memerlukan pengkatalogan bahan secara berpusat dan penyimpanan koleksi secara elektronik yang boleh dibangunkan sebagai sumber rujukan akademik dan pusat rujukan dengan menghubungkan semua koleksi di setiap IWN. Dengan adanya inisiatif ini, semua koleksi berkaitan dengan koleksi Mak Yong dapat diuruskan secara berpusat dan sistematis didalam satu platform yang membolehkan pengguna maklumat mendapatkan informasi yang betul serta sahih.

### 3.2 Strategi pendokumentasian koleksi Mak Yong di IWN

Terdapat pelbagai strategi yang dijalankan oleh IWN dalam menjalankan program pendokumentasian koleksi yang dikenalpasti yang mana masing-masing menjalankan program pembangunan koleksi melalui prosedur perolehan yang tersendiri. Namun tiada satu tatacara yang khas dilaksanakan dalam mendokumentasikan koleksi-koleksi warisan yang memerlukan satu perlaksanaan yang spesifik bagi membantu negara melindungi dan memelihara warisan kebudayaan yang hampir dilupakan. Tidak cukup dengan prosedur perolehan koleksi seperti pembelian, deposit perundangan, pinjaman, sumbangan ataupun derma sahaja, usaha pendokumentasian koleksi WTK perlu lebih meluas dan fleksibel mengikut perkembangan sumber perolehan, masyarakat serta alamiah warisan itu sendiri. Malah Thomas (2010) dan Robinson (2014) turut mencadangkan agar pegawai arkib, pustakawan dan kurator perlu lebih peka dengan perkembangan saluran perolehan koleksi yang istimewa seperti koleksi WTK yang memerlukan agensi mempertimbangkan pendokumentasian informasi secara alam digital sebagai sumber perolehan yang terkini bagi membantu kaedah perolehan koleksi yang lebih lengkap.





Hasil daripada kajian ini, penyelidik merumuskan elemen-elemen yang perlu diutamakan dalam mendokumentasikan koleksi warisan negara adalah seperti berikut:

- Analisa koleksi
- Kerjasama antara pencipta/komuniti
- Kerjasama antara agensi
- Respon kepada perubahan
- Promosi dan advokasi
- Pusat dokumentasi Warisan

Elemen yang dicadangkan dalam kajian ini juga boleh dirujuk oleh mana-mana IWN untuk mendokumentasikan koleksi-koleksi warisan samaada ketara ataupun tidak ketara yang mana boleh digunakan di negara ini. Elemen-elemen ini dibangunkan berdasarkan dapatan kajian ini dengan merujuk model yang sedia ada oleh sarjana terdahulu, kemudian dipadankan dengan pelaksanaannya di agensi IWN dan mengambilkira cadangan yang diberikan oleh responden-responden kajian. Usaha-usaha yang dijalankan bagi setiap strategi ini dapat membantu setiap IWN membangunkan serta memurnikan koleksi sedia ada diantara satu sama lain dengan tujuan yang sama iaitu melindungi maklumat warisan negara. Bermula dengan seni persembahan Mak Yong, strategi ini boleh dilaksanakan dan diguna pakai oleh seni warisan yang lain yang mana mampu membantu negara dalam mencalonkan seni WTK negara untuk pengiktirafan diperingkat antarabangsa.





## 4.0 Kesimpulan

Arkib, muzium dan perpustakaan merupakan institusi induk yang bertanggungjawab dalam mengumpul koleksi dan maklumat dari sumber primari, memelihara dan memulihara koleksi-koleksi ini agar boleh di akses oleh orang awam dan sekaligus dapat menyampaikan maklumat warisan kepada generasi akan datang. Namun begitu, penerbitan makalah profesional yang membincangkan bagaimana institusi-institusi ini melaksanakan inisiatif berkenaan adalah sangat terhad terutamanya dalam pendokumentasian koleksi warisan. Pengumpulan koleksi daripada sumber primari seperti dokumen dan artifak yang mengisahkan sesbuah warisan, etnik, masyarakat atau kebudayaan adalah amat penting kerana agensi-agensi ini menguruskan bahan-bahan yang unik dan terdedah dengan faktor penyirnaan. Namun banyak bahan-bahan warisan terutamanya koleksi yang berkaitan dengan Mak Yong masih tidak lengkap dan berada dalam tangan persendirian yang menghadapi risiko kerosakan dan kehilangan buat selama-lamanya.

## 5.0 Penghargaan

Penyelidikan ini disokong oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di bawah tajaan biasiswa SLAI / SLAB untuk peringkat PhD untuk tempoh September 2015 hingga Mac 2019. Kami berterima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan dalam kajian ini.

## Rujukan

- Ab. Aziz Shuaib, & Raja Iskandar Raja Halid. (2011). *The search for the middle path: islam and the tradisional malay performing arts*. UMK Print.
- Abd. Aziz Itar. (2010, June 23). Bajet Kekang Survival Mak Yung. Utusan Online. Kuala Lumpur. Retrieved from [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0623&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi\\_05.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0623&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_05.htm)
- Bernama. (1996). Nik Mustapha: Tradisional Plays Must Abide by Rules. New Straits Times, p. 6. Kuala Lumpur.
- Doucet, M. (2007). Library and Archives Canada: A Case Study of a National Library, Archives, and Museum Merger. *RBM: A Journal of Rare Books, Manuscripts and Cultural Heritage*, 8, 61–66. Retrieved from <http://rbm.acrl.org/content/8/1/61.short>





Ghulam-Sarwar Yousof. (1979). Mak Yong: The Ancient Malay Dance-theatre. *Asian Studies Quezon City*, 108–121.

Ghulam-Sarwar Yousof. (2017). Temubual Personal.

Hardwick, P. A. (2013). Embodying the divine and the body politic: Mak Yong performance in rural Kelantan, Malaysia. In *Performance, popular culture, and piety in Muslim Southeast Asia* (pp. 77–103). Springer.

Hardwick, P. A. (2014). The Body Becoming: Transformative Performance in Malaysian Mak Yong. *Music and Medicine*, 6(1), 40–48.

Latifah Ariffin. (2015, March 18). Pakyung Makin Pupus. *Berita Harian*. Kuala Lumpur.

Mansor, Y. Jaafar, S, B Manaf, Z. . (2013). Developing a National Digital Cultural Heritage Repository Centre for Malaysia : Issues and Challenges. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53, 1689–1699. <http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>

Martin, R. S. (2007). Intersecting Missions, Converging Practice. *RBM: A Journal of Rare Books, Manuscripts and Cultural Heritage*, 8(1), 80–88. Retrieved from <http://rbm.acrl.org/content/8/1/80.short>

Matusky, P. (2002). The Significance of Preservation: To Save or Not to Save? *Tirai Panggung: Jurnal Seni Persembahan*, 5, 56.

Mohamad, Z. (2012). Report: The Mak Yong Spiritual Dance Heritage Conference, Performances, and Workshops. *Asian Theatre Journal*, 29(2), 445–460.

Mohamed Ghous Nasarudin. (2000). Teater Tradisional Melayu. *Dewan Bahasa dan Pustaka*.

Nalini Dharmarajan, AbdulAziz, A., & Anitawati Mohd Lokman. (2006). Archiving Cultural Heritage in Malaysia: The Nyonya Kebaya. In *Proceedings of the International Conference on Business Information Technology*.

Perera, K., & Chandra, D. (2014). Documenting the Intangible Cultural Heritage for Sustainable Economic Growth in Developing Countries. *CIDOC 2014*. <http://doi.org/http://dx.doi.org/10.4038/jula.v17i1.6644>

Pijoux, L. J. (2007). The Birmingham Civil Rights Institute: a case study in library, archives, and museum collaboration. *RBM: A Journal of Rare Books, Manuscripts and Cultural Heritage*, 8(1), 56–60.





Radiah Amin, Noor Faizah Yatim, Aziz Deraman, & Oras F. Baker. (2011). Repository Model for Intangible Heritage “ The Malay S cenario .” In International Conference on Advanced Science, Engineering and information Technology (pp. 227–231). <http://doi.org/10.18517/ijaseit.1.2.47>

Robinson, H. (2014). Knowledge utopias: An epistemological perspective on the convergence of museums, libraries and archives. *Museum & Society*, 12(3), 210–224.

Rusnah Johare, & Masrek, M. N. (2012). Malaysian archival heritage at risk? A survey of archivists' knowledge and skills in managing electronic records. *Library Review*, 61(1). <http://doi.org/10.1108/lr.2012.03561aaa.002>

Shamsul Akmar. (1991, June 29). CulturalShows: Kelantan Sets the Rules. *New Straits Times*. Kuala Lumpur.

Shariff, N. M., Mokhtar, K., & Zakaria, Z. (2008). Issues in the Preservation of Traditional Cuisines: A Case Study in Northern Malaysia. *International Journal of the Humanities*, 6(6).

Sheppard, M. (n.d.-a). Ma'yong. Correspondences, 1959-93. 2000/0007440. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Sheppard, M. (n.d.-b). Ma'yong. Newpaper Comic Strip Series. 2000/0007449. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Sheppard, M. (n.d.-c). Ma'yong. Newpaper Comic Strip Series. 2000/0007450. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Sheppard, M. (n.d.-d). Ma'yong. Papers and Newpaper Cutting. 2000/0007444. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Sheppard, M. (n.d.-e). Ma'yong. Prof William P. Malm, correspondence 1966-69. 2000/0007445. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Sheppard, M. (n.d.-f). Paper and Newspaper Cutting Concerning Ma'yong. 2000/0007443. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Sheppard, M. (n.d.-g). Rakaman Ma'yong 1972,1973,1974. mulai 12-05-1974 tamat 18-05-1974 by Profesor W. Malm. 2007/0049934. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Sheppard, M. (n.d.-h). Sheppard's Ma'yong Stories. Typist and MS Drafts. 2000/0007442. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.





- Sheppard, M. (1967). A recording of the Ma'yong: The dance drama of Kelantan. *Federation Museums Journal*, XII, 55–103.
- Sheppard, M. (1969). Ma'Yong, the Malay Dance Drama. *Malaysian Society for Asian Studies*.
- Sheppard, M. (1985). Makyong perlu sokongan untuk terus hidup. *Mingguna Malaysia*, p. 6. Kuala Lumpur.
- Tanackovic, S. F., & Badurina, B. (2009). Collaboration of Croatian cultural heritage institutions: experiences from museums. *Museum Management and Curatorship*, 24(4), 299–321.
- Tang, A. (1991a). Illogical to Ban Mak Yong. *The Star*. Kuala Lumpur.
- Tang, A. (1991b). Kelantan Bans Mak Yong and Joget. *The Star*. Kuala Lumpur.
- Thomas, L. M. (2010). The Embedded Curator : Reexamining the Documentation Strategy of Archival Acquisitions in a Web 2 . 0 Environment. *Journal of Rare Books, Manuscripts, and Cultural Heritage*, 3(2), 83–91.
- UNESCO. (2005). Mak Yong Theater. Retrieved December 28, 2015, from [http://www.unesco.org/culture/intangible-heritage/23apa\\_uk.htm](http://www.unesco.org/culture/intangible-heritage/23apa_uk.htm)
- Yousof, G.-S. (2015). *Panggung Semar: Aspects of Traditional Malay Theatre*. Partridge Publishing Singapore.
- Yousof, G. S. (1979). The Kelantan Mak Yong Dance Theatre: A Study of Performance Structure. Xerox University Microfilms, Hawaii.
- Zuraidah Abd Manaf. (2007). The state of digitisation initiatives by cultural institutions in Malaysia: An exploratory survey. *Library Review*, 56(1), 45–60.
- Zuraidah Abd Manaf, Aliza Ismail, Noor Masliana Razlan, Azizah Abd Manaf, & Rusni Daruis. (2013). Risk Management for Digital Cultural Heritage Information in Malaysia. *Proceedings of the European Conference on Information Management & Evaluation*, 1–9. Retrieved from <http://libaccess.mcmaster.ca/login?url=http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=bt&AN=87385154&site=ehost-live&scope=site>

